

# Masyarakat maju peka alam sekitar

Penyertaan secara sukarela jadi mekanisme kurangkan kos pemantauan kerajaan



**Minda  
Lestari**

Bersama

**Prof Dr Zaini Ujang**

E-mel: zaini@utm.my

**A**PAKAH peranan dan sumbangan kerajaan supaya lebih efektif dan efisien dalam melestarikan alam sekitar? Demikian persoalan utama yang sering dibahaskan dalam debat dan seminar ilmiah di serata dunia di tengah kehangatan isu pemanasan global dan kepelbagaian bencana alam. Hal ini juga menjadi tema Hari Bumi yang disambut 22 April lalu.

Persoalan itu ditimbulkan kerana dasar berpusat (centralization) – khususnya di kalangan negara maju bersaiz kecil, apatah lagi di negara membangun, termasuk Malaysia – kurang efektif membantu inisiatif global mengurangkan penghasilan gas rumah kaca ke ruang atmosfera. Ini antara lain disebabkan pertindihan bidang kuasa pengurusan komponen alam sekitar memabatkan pelbagai agensi.

Pelaksanaan dasar juga biasanya tidak sampai ke seluruh lapisan masyarakat. Lebih parah lagi jika berlaku penyelewengan, rasuah dan kerehah birokrasi. Selain itu, dasar berpusat juga mahal, apatah lagi jika perlu dipantau dan dikuatkuasakan secara komprehensif seperti cuba dilakukan di Malaysia.

Biasanya dasar kerajaan sedemikian mewujudkan budaya kebergantungan masyarakat kepada inisiatif 'top-down' yang nampaknya semakin tidak relevan dalam konteks semasa pelestarian alam sekitar. Saya sering sebutkan dalam ruangan pojok ini bahawa pelestarian alam sekitar akan lebih menyerlah menerusi transformasi budaya dan amalan hidup masyarakat secara sukarela.

Transformasi ini memerlukan dokongan semua pihak – termasuk kerajaan menerusi penyediaan dasar jelas dan dana me-

nyokong inisiatif 'bottom-up' – dengan menilai semula dasar pembangunan, cara berfikir, gaya hidup dan amalan harian.

Itulah rahsia kejayaan Sweden, Denmark dan Switzerland melestarikan alam sekitar, sekali gus menjadi pemangkin inisiatif pelestarian bumi pada peringkat global menerusi perdagangan karbon, pembangunan teknologi mesra alam dan penyediaan dana membantu negara membangun. Justeru, apa tindakan yang perlu kita lakukan?

Pada hemat saya, kita perlu memulakan dengan sistem urus tadbir alam sekitar lebih telus dan mantap. Ketika ini banyak inisiatif baru dilakukan tetapi tidak dilaksanakan dalam konteks menyeluruh, dibatasi sempadan kementerian dan kurang telus.

Sebagai contoh, empangan dirancang dan dibina dengan kos berbilion ringgit untuk menyediakan bekalan air mentah. Kawasan tadahan hujan pun diwartakan. Namun demikian, aktiviti guna tanah tidak pula dikawal, apatah lagi di luar sempadan negeri. Akibatnya, keupayaan menakung air berkurang akibat hakisan tanah dan kualiti air rendah. Disebabkan isi padu takungan kurang maka empangan baru terpaksa dibina.

Ini fenomena lumrah di Malaysia sehingga saya – secara peribadi – tidak lagi melihat pembinaan empangan sebagai satu keperluan. Membazir! Yang lebih diperlukan ialah mengurus kawasan tadahan hujan sedia ada supaya puluhan empangan yang dibina berfungsi seperti dirancang. Dalam hal ini, siapa perlu dipertanggungjawabkan dan diseret ke muka pengadilan kerana membazir wang rakyat?

Dalam hal ini, saya mencadangkan agar sistem urus tadbir alam sekitar dikaji semula. Jawatankuasa peringkat menteri dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri perlu dimantapkan dengan mekanisme lebih proaktif, bukan sekadar forum menyelesaikan sengketa antara kementerian. Demikian juga Majlis Sumber Air Negara

yang nampaknya semakin tidak relevan.

Sehubungan itu, saya mencadangkan penubuhan agensi penyelarasan dengan bilangan staf bersaiz kecil tetapi diketuai seorang Menteri, iaitu Unit Perancangan Alam Sekitar, sebagai agensi Pusat seperti peranan Unit Perancang Ekonomi dalam konteks ekonomi.

Selain itu, inisiatif transformasi budaya dan gaya hidup masyarakat perlu dipergiat untuk menggalakkan penyertaan setiap pihak secara sukarela. Inisiatif ini perlu disertai semua pihak termasuk agensi swasta, pertubuhan sukarela, institusi pendidikan, selebriti, orang awam dan kanak-kanak. Transformasi itu perlu dirangka bukan hanya promosi cara hidup lestari, bahkan penyertaan masyarakat dalam pelbagai bidang dan tahap termasuk mengubal perundangan.

Penyertaan masyarakat ini boleh digerakkan menerusi lapan tahap, iaitu:

- Penyebaran maklumat dan promosi agensi awam, swasta dan pertubuhan sukarela selari dasar sedia ada, seperti pembayaran perkhidmatan pembedaan dan tanggungjawab isi rumah mengamalkan kitar semula dalam konteks pengurusan sisa pepejal.

- Pendidikan alam sekitar lebih komprehensif menerusi media massa dan institusi pendidikan. Dalam banyak hal, kurikulum sedia ada perlu dimanfaatkan menjelaskan isu alam sekitar secara saintifik dan berorientasi tindakan ke arah dasar dan cara hidup mesra alam.

- Penjelasan sesuatu isu dengan jelas dan telus, biarpun kadangkala sensitif. Ini akan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat terhadap ketelusan urus tadbir dan komitmen media massa dan pihak berkuasa.

- Mengambil kira pendapat awam mengenai sesuatu isu berkaitan alam sekitar dalam konteks Kajian Terperinci Kesan Alam Sekitar (DEIA) supaya tidak hanya melepas batuk di tangga. Bagi projek atau isu tidak memerlukan DEIA maka media massa dan lawan web boleh dijadikan fo-

rum bertukar pandangan dan mencapai kata sepakat.

- Penyertaan langsung masyarakat menyuatkan pendapat dan cadangan pelbagai projek pembangunan berkaitan alam sekitar walaupun kuasa pemutus masih di tangan pihak berkuasa, khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT).

- Perundingan dan tindakan bersama untuk menentukan perundangan, peraturan dan falsafah pembangunan sesuai dengan situasi, keunikan dan kepelbagaian faktor setempat.

- Perkongsian tanggungjawab dengan masyarakat atau pertubuhan sukarela untuk sama-sama berperanan mempromosi pelestarian alam sekitar. Dalam konteks industri air misalnya, Forum Air baru saja ditubuhkan dalam kerangka Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

- Pembabitian langsung masyarakat sama-sama berganding bahu memajukan sesuatu inisiatif sebagaimana pelestarian hidupan liar menerusi WWF dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

Kelapan-lapan tahap penyertaan masyarakat ini wajar diberi perhatian kerana semakin maju masyarakat Malaysia maka semakin maju dan canggih pula kefahaman mereka terhadap alam sekitar. Mereka menghayati cara hidup lestari juga ingin turut terbabit sekurang-kurangnya menyuatkan pendapat terhadap corak pembangunan di sekitar kediaman mereka, seperti projek pembangunan Bukit Gasing.

Jika penyertaan masyarakat ini dirangka dengan baik mengikut kesesuaian kelompok dan projek maka masyarakat Malaysia akan lebih proaktif melestarikan alam sekitar, sekali gus menjadi mekanisme sokongan, tanpa perlu pihak kerajaan menambah biaya sumber manusia dan kos pemantauan!

**Prof Datuk Ir Dr Zaini Ujang ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM dan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)**